

PENDUDUK
membersihkan rumah
yang dilanda banjir.

**'Kami
dah
letih'**

■ Penduduk bosan terpaksa cuci rumah setiap kali banjir kilat melanda kampung

Oleh Ayusliza Azizan
hmetroshahalam@hmetro.com.my
Kapar

"Kami sudah letih, ini kali ketiga saya sekeluarga terpaksa berpindah akibat rumah dinaiki air dalam tempoh 10 bulan," kata Siti Rohaibibah Ngadim, 57, salah seorang mangsa banjir di Persiaran Hamzah Alang, Meru, di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, masalah banjir di kawasan itu seolah-olah tiada jalan penyelesaian, malah dilihat semakin kronik terutama kepada penduduk Kampung Haji Sharif yang sering menjadi mangsa.

"Penat apabila memikirkan terpaksa membersihkan rumah selepas banjir surut, kali terakhir banjir Jun lalu ketika umat Islam berpuasa.

"Hujan lebat dalam tempoh dua hari menyebabkan banjir berlaku," katanya.

Penduduk lain, Ariza Yusuf, 45, berkata, banjir yang kerap berlaku itu kerana masalah perparitan kritikal serta gagal mengalirkan air dengan sempurna.

Dia yang sudah 18 tahun tinggal di kawasan itu mengakui agak letih apabila terpaksa membersihkan rumah setiap kali banjir reda.

"Banyak perabot dan harta benda rosak, ada antaranya tidak dapat digunakan lagi. Bagaimanapun, kami sekeluarga terpaksa

**Penat apabila
memikirkan
terpaksa
membersihkan
rumah selepas
banjir surut"**

Siti Rohaibibah Ngadim

menempuhinya untuk menelusuri kehidupan," katanya.

Baru-baru ini, seramai 40 penduduk membabitkan lapan keluarga dari Kampung Haji Mohd Shariff, Meru, terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan akibat banjir.

Tinjauan mendapati sungai utama di Persiaran Hamzah Alang dilimpahi air sehingga beberapa deretan premis perniagaan dan jalan digenangi air.

Keadaan itu menyebabkan premis perniagaan dan jalan terpaksa ditutup menyebabkan operasi harian terganggu.

Di samping itu, pemin-dahan penduduk mewujudkan kesukaran kepada mereka yang terbahit terutama kepada anak-anak yang hendak bersekolah.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Meru Dr Abdul Rani Osman berkata, bagi mengurangkan masalah banjir di kawasan itu, projek tambatan banjir membabitkan kos kira-kira RM10.2 juta kini sedang dilaksanakan.

Sehubungan itu, katanya,

pihaknya dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Jabatan Kerja Raya (JKR) berusaha mengatasi masalah berkenaan.

Beliau berkata, masalah masjid Kampung Haji Mohd Shariff yang sebelum ini sentiasa ditenggelami banjir berjaya diselesaikan selepas longkang di hadapan masjid itu diselenggara dan digantikan dengan jambatan baru.

Katanya, JPS dan JKR kini memberi fokus kepada kerja pembaikan longkang dan jalan raya manakala pihaknya sentiasa memantau jika ada kontraktor tidak menjalankan tugas dengan sempurna.

"Kami sangat mengambil berat isu banjir yang sudah sekian lama berlaku di Meru. Oleh itu, bagi memastikan penduduk sekitar tidak terus terjejas, kami akan terus berusaha menyelesaikannya secepat mungkin.

"Walaupun projek tambatan banjir di sini baru bermula tahun ini, penduduk kampung memberi maklum balas positif dan banjir yang dulunya mengambil masa lebih seminggu untuk surut tetapi kini hanya dua hari saja," katanya ketika dihubungi.

Bagaimanapun, beliau berkata, masalah banjir di kawasan itu tidak akan selesai jika tiada tindakan bersepadu dilakukan penduduk serta pihak yang berkenaan.

Dreamland®

Demi anda, demi tidur yang lena

Penghabisan Stok Gudang Dreamland

**24hb & 25hb
Okt 2015
(Sabtu & Ahad)
2 Hari Sahaja!**

Lokasi GPS:
N02°03.610'
E102°33.717'



**Dreamland Corporation
(M) Sdn Bhd** (27726-V)

Lot 24, Kawasan Perindustrian,
Tanjung Agas, 84000 Muar, Johor.

Lokasi GPS:
N02°03.610' E102°33.717'

BUKA : 10.00pg - 6.00ptg

Tel : 06-951 7898

06-954 3423

(Sambungan 8 - Bahagian Pemasaran)

Penghabisan:

- Model tilam yang ditamatkan
- Dipan dan set katil yang ditamatkan
- Bantal, pelindung tilam & lain-lain aksesori katil.

Kad kredit utama diterima



PERCUMA

Penghantaran dan pemasangan tilam lama (dalam radius 30km)

www.dreamland.com.my